



Universiti Malaysia  
KELANTAN

مقالات قوست اسلام

Vol.5/No.2.Jul-Dis 2019

# Makalah

WADAH SIARAN PUSAT ISLAM UMK

EDISI 5

JULAI- DISEMBER 2019



PUSAT ISLAM  
MENYELARAS PROGRAM  
**MESRA ASNAF**  
@PAUH SEMBILAN

SEMINAR KELUARGA BAHAGIA 2.0  
**“Suamiku**  
Suamimu”

Kepentingan  
**Muafakat**  
Dunia Umat Islam

TERATAKCAKNA  
@PIUMK



# Sidang Editorial



**Penasihat**  
Azhar bin Muhammad

**Ketua Editor**  
Wan Mohd Amir bin Yusoff

**Penolong Ketua Editor**  
Norma binti Abdullah

**Sidang Editor**  
Muhamad Khalid El-Muhammady bin  
Muhamad Uthman El-Muhammady  
Muhamad Binyamin bin Che Yaacob  
Nor Zakwan bin Che Musa  
Muhamad Husni bin Kamaruddin  
Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed

**Rekaan**  
Mohd Hafizhuddin bin Mat Naziz

**Fotografi**  
Khairudin bin Mat Lazim

**Percetakan dan Edaran**  
Wan Mohd Amir bin Yusoff

Sebarang cadangan atau pandangan berkenaan Makalah ini, boleh berhubung :

**EDITOR MAKALAH**  
Pusat Islam UMK  
Tel : 09-7797474

Emel : pusatislam@umk.edu.my  
Facebook : PUSAT ISLAM UMK

# Kalam Pengarah



Alhamdulillah dengan rahmat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang mengutuskan Nabi Muhammad Sallahu alayhi wa sallam sebagai rahmat sekalian alam, Makalah kali ini dapat diterbitkan sekali lagi bagi Edisi ke-5. Kesinambungan penerbitan Makalah ini lebih kepada meneruskan budaya dan tradisi persuratan di Pusat Islam UMK dalam bentuk bercetak. Ia dapat merakamkan peranan yang sentiasa dimainkan oleh Pusat Islam UMK melalui segala bentuk program kerohanian di samping penampilan artikel dalam kepelbagaiannya tajuk perbincangan. Kepelbagaiannya aktiviti keagamaan dan kerohanian yang dilaksanakan oleh Pusat Islam UMK tidak lain dan tidak bukan semata-mata untuk membentuk kejadian diri yang tinggi dalam kalangan warga kampus.

Memandangkan kepada kepentingan ini, maka Pusat Islam UMK bergerak dengan lebih drastik untuk menyerlahkan persekitaran kampus dengan majlis-majlis ilmu. Justeru setiap orang yang berada di dalam kampus perlu peka dengan misi untuk menjadikan warga UMK sebagai warga yang membudayakan elemen keagamaan sama ada dalam pejabat, kelas, perpustakaan, mesyuarat dan di mana-mana sahaja keberadaan mereka.

Pusat Islam UMK telah bergerak dengan lebih pantas apabila nisfu kedua tahun 2019 ini telah berjaya menjalankan pelbagai program berimpak bersama rakan jaringan seperti Program Mesra Asnaf bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok serta Masjid Al-Abdar, Pauh Sembilan, Bachok; Seminar Keluarga Bahagia 2.0 bertemakan "Suamiku Suamimu" anjuran bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK), dan lain-lain. Program pembangunan staf melibatkan beberapa program seperti Bual Bicara Ibrah Hari Wuqf, Program Korban dan Program "Mari Pakat Kacha Sugho". Program untuk pelajar juga telah diperkasakan dengan penganjuran pelbagai aktiviti luar seperti Kembara Pondok Pasir Tumboh, Kem Pemantapan Sahsiah di Agro Resort Jeram Mengaji dan lain-lain. Program pengurusan zakat pula telah memperkenalkan pelbagai bentuk bantuan baharu seperti penempatan percuma kepada pelajar terpilih dalam TeratakCakna@Pusat Islam UMK dan bantuan keusahawanan kepada pelajar asnaf yang berminat melakukan usaha niaga di dalam kampus.

Terima kasih dan setinggi penghargaan kepada editor dan semua pihak yang menjayakan penerbitan Makalah ini dalam wajah yang lebih berkualiti. Penampilan edisi ini memang jelas memperlihatkan Makalah bergerak ke arah yang lebih matang dan berdaya saing. Akhirnya diharapkan agar pembaca dapat mengambil manfaat daripada segala persembahan yang terkandung dalam Makalah kali ini dan berikutnya.

Sekian, wassalam.

Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad.



# Tinta KETUA EDITOR

Alhamdulillah dengan rahmat dan izin Allah S.W.T, Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi dapat menerbitkan Makalah bagi Edisi ke-5 (Julai - Disember 2019).

Makalah keluaran kali ini menyajikan pelbagai maklumat berkaitan program-program yang telah dianjurkan oleh Pusat Islam UMK bagi bulan Julai - Disember 2019. Di samping itu, makalah ini juga diisi dengan dua artikel ilmiah yang menyentuh berkaitan dengan Indahnya Kepimpinan Islam dan Kepentingan Muafakat Dunia Ummat Islam.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua unit dan staf Pusat Islam UMK yang telah banyak membantu dalam proses menerbitkan makalah kali ini.

Akhir kalam, semoga makalah ini dapat dijadikan salah satu bukti usaha dan kejayaan Pusat Islam UMK dalam melaksanakan program-program pembangunan rohani, kebajikan serta kemasyarakatan kepada staf, pelajar dan komuniti setempat. Saya mewakili Pusat Islam UMK mengalukan sebarang cadangan untuk penambahbaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak kami. Semoga segala sumbangan yang diberikan samada secara langsung atau tidak langsung akan mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, wasalam.

Wan Mohd Amir bin Yusoff

# ISI KANDUNGAN



Sidang Editorial	2
Kalam Pengarah	2
Tinta Ketua Editor	3
Isi Kandungan	3
Indahnya Kepimpinan Islam	4
Sudut Kenal Staf : Ustaz Amir	6
Suamiku Suamimu	7
Mesra Asnaf@Pauh Sembilan	8
Seminar Pemerksaan Peranan Imam di Alaf Baharu	10
Kepentingan Muafakat Dunia Umat Islam	11
Bengkel Perancangan Strategik PIUMK 2020	12
Korban & Aqiqah @PIUMK	13
Surah Al-Alaq & Zikir Munajat di Istiadat Konvokesyen UMK	13
Pembinaan Peribadi Muslim Yang Berintegriti Melalui Ibadah Haji	14
Teratak Cakna@PIUMK	16
Info Pusat Islam	17
Kursus Pengurusan Jenazah	18
Kem Pemantapan Sahsiah@Jeram Mengaji	19
Kembara Ilmu @Pondok Pasir Tumboh	20
Program Mari Pakat Kaca Suro	21
Bual Bicara Ibrah Hari Wukuf di Arafah	22
Pit Stop @Masjid UMK	22
Kem Smart Aulad 1.0	23
PIUMK Bersama Pelajar Baharu	23
Lensa Pusat Islam	24
Bengkel Kemahiran Bersolat	26
Berita Staf Pusat Islam	27

# Indahnya Kepimpinan Islam

Oleh : Azhar bin Muhammad

Islam adalah agama yang syumul; disebabkan kesyumulan Islam inilah, maka Islam menetapkan garis pandua dalam setiap aspek kehidupan manusia termasuk dalam urusan kepimpinan. Mari hayati maksud ayat al-Quran yang memperkatakan tentang perkara ini:

*"laitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang daripada melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar, dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan (Surah al-Hajj, 22:41)*

Ayat ini menegaskan beberapa perkara tentang orang yang diberikan amanah kepimpinan, antaranya:

- Orang yang diberikan kekuasaan memerintah mempunyai satu tanggungjawab yang besar, bukannya satu keistimewaan. Tanggungjawab ini mempunyai kaitan rapat dengan urusan agama.
- Orang yang diberikan kekuasaan memimpin mestilah orang yang mendirikan solat serta mengeluarkan zakat, dan pemimpin atau pemerintah mestilah berperanan menyuruh rakyat agar berbuat kebaikan serta melarang mereka daripada melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar atau maksiat.

Kisah Khalifah Harun al-Rasyid naik ke Bukit Safa bersama dengan tokoh ilmuwan Abdullah bin Abdul Aziz al-Umar apabila baginda dilantik menjadi khalifah boleh dijadikan teladan. Abdullah berkata kepada Khalifah Harun al-Rasyid: "*Iihatlah ke arah kaabah*". Apabila khalifah melihat kepada kaabah, baginda melihat orang yang terlalu ramai hingga apabila diminta oleh Abdullah menyatakan jumlah orang tersebut, khalifah menjawab "*tidak terhitung jumlahnya dan hanya Allah sahaja yang mengetahuinya*". Abdullah memberitahu: "*Ketahuilah wahai khalifah, bahawa setiap daripada mereka itu akan disoal pada hari kiamat nanti tentang diri mereka sahaja, tetapi engkau sebagai khalifah akan disoal tentang diri mu dan tentang diri mereka semuanya, justeru berhati-hatilah dengan nasibmu di akhirat kelak*".

Khalifah Harun al-Rasyid terduduk apabila mendengar kata-kata Abdullah sedemikian rupa, lalu menangis mengenangkan nasibnya di akhirat nanti dan mengingatkan bebanan dan tanggungjawab yang terpaksa dipikulnya sebagai seorang khalifah atau pemimpin.

Jelas bahawa semua ini memperlihatkan betapa besar dan beratnya tanggungjawab seorang pemimpin yang bukan sahaja menghadapi rakyat yang dipimpinnya semasa di dunia ini, bahkan berhadapan dengan Allah SWT di akhirat kelak. Sebab itu kita perlu melihat bahawa ia adalah satu amanah Allah, bukannya satu kesempatan atau peluang untuk mencapai kemasyhuran, kedudukan, gelaran, ataupun untuk mengaut kekayaan sebanyak mungkin. Apa yang jelas, kita tidak dibenarkan mengkhianati Allah, mengkhianati Rasul-Nya dan mengkhianati amanah. Firman Allah mengenai perkara ini yang bermaksud:

*"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)" (Surah al-Anfal, 8:27).*

Konsep kepimpinan dalam Islam sebenarnya mempunyai dasar-dasar yang sangat kuat berteraskan al-Quran dan al-Sunnah dan apa yang telah ditunjukkan secara praktikalnya oleh Nabi Muhammad SAW sendiri, para sahabat, khulafa' al-Rasyidin dan disusuli oleh khulafa' seterusnya. Konsep ini memperlihatkan betapa indahnya kepimpinan Islam yang menjadi model kepimpinan yang ternyata diakui dan dikagumi ramai hingga ke hari ini.

Jelas dalam Islam, kepimpinan adalah satu persoalan yang penting kerana ia mempunyai kaitan rapat dalam penjagaan agama dan urusan dunia. Semasa menjelaskan perkara ini, Imam al-Mawardi dalam kitabnya *al-Ahkam al-Sultaniyah* mengatakan bahawa keberadaan kepimpinan atau disebut dengan istilah imamah sangat penting bagi tujuan menegakkan imamah sebagai pengganti misi kenabian untuk menjaga agama; dan untuk memimpin atau mengatur urusan dunia.

***"Justeru kepimpinan bertujuan mewujudkan persekitaran aman, adil, menegakkan amar ma'ruf nahi mungkar, menyantuni rakyat serta menangani permasalahan yang dihadapi masyarakat"***

Berdasarkan ini para ulama' berpendapat bahawa menegakkan suatu kepimpinan dalam kehidupan berbangsa dalam negara adalah satu kewajipan.

Maka persoalan kepemimpinan ini bukan sesuatu perkara yang boleh dipandang remeh. Namun amat menyedihkan sekali, banyak pemimpin dunia hari ini yang tidak perihatin tentang perkara ini walaupun telah bergelar pemimpin. Ini mungkin disebabkan pangkat dan kuasa menjadi kegilaan dan rebutan. Perebutan kuasa dan pangkat ini terkadang menyebabkan seseorang itu menggunakan pelbagai cara walaupun dilarang oleh agama, hingga menyebabkan harga diri, bahkan agama pun tergamak digadai dan dipertaruhkan demi untuk mendapatkan kuasa atau pangkat yang diidam-idamkan itu.

Perlu disedari, bahawa seorang pemimpin perlu mengambil berat hal-hal yang berkaitan rakyatnya; kehidupan, keselamatan, pendidikan, kebaikan, bahkan tindak tanduk mereka hingga menjadi tanggungjawab pemimpin untuk membimbing dan menasihati rakyatnya. Rasulullah pernah bersabda yang bermaksud: "Sesiapa yang diangkat Allah sebagai pemimpin bagi rakyatnya, kemudian dia tidak membimbing mereka dengan nasihatnya, maka Allah mengharamkan baginya memasuki syurga"(HR. Bukhari & Muslim).

Memandangkan betapa besar peranan seorang pemimpin, Rasulullah SAW menunjuki teladan terbaik dalam kepemimpinan baginda. Begitu juga dengan khalifah-khalifah seterusnya; amat berhati-hati dalam kepemimpinan mereka. Lihatlah gaya kepimpinan Umar al-Khattab r.a. yang begitu tegas dalam urusan kewangan negara, juga amat ketat dalam meneliti pendapatan dan harta setiap pegawainya. Setiap pegawai yang dilantik akan diminta membuat pengisytiharan harta, dan setiap peningkatan harta pegawai akan disemak dengan sekerap yang boleh (*Futuh al-Buldan, Al-Wilayah 'ala al-Buldan, 2/131*).

Selain itu, Umar al-Khattab r.a turut melakukan lawatan dan pemeriksaan mengejut ke rumah pegawai dan stafnya bagi memastikan tiada pertambahan harta pada akaun mereka secara syubhab (*Tarikh al-Madinah, 3/837*).

Gabenor kerajaan Islam di Mesir pada ketika itu ialah 'Amr bin al-'As. Beliau dilaporkan membuat satu mimbar khas untuk dirinya ketika berada di Mesir. Ini menyebabkan Umar al-Khattab marah lalu menghantar surat kepadanya yang menyebut : "Aku mendengar kamu telah membina satu mimbar agar boleh meninggikan dirimu daripada umat Islam, adakah tidak cukup kamu berdiri dan mereka berada di kakimu, aku ingin kamu segera meruntuhkan mimbarmu" (*Futuh Misr wa akhbaruha, Ibn Abd Hakam, hlm 92*).

Begitu juga seorang pemimpin Islam yang selalu disebut-sebut sebagai pemimpin contoh di zaman kegemilangan ketamadunan Islam iaitu Khalifah Umar bin Abdul Aziz. Walaupun pemerintahannya singkat, tetapi keadilan yang diaplikasikan dalam kepimpinannya telah mengukir namanya dalam sejarah hingga dikenang sepanjang masa. Kehebatan baginda sering disebut-sebut sehingga masyarakat bukan Islam pun turut menjadikannya sebagai *role model* dalam kepemimpinan. Apakah rahsia yang menyebabkan pemerintahan beliau melakar sejarah sedemikian rupa?

Kalau dilihat kepada sirah keperibadian dan sahsiah Khalifah Umar Abdul Aziz; pakaian yang dipakai hanya terdiri daripada kain murahan, kehidupannya amat sederhana sekali; sekalipun baginda dikelilingi oleh kemewahan. Jawapannya tidak lain adalah kerana jiwa kepimpinannya yang hanya mengharapkan ganjaran yang kekal abadi di sisi Allah SWT pada hari akhirat. Hasilnya kepimpinan yang penuh dengan keadilan ini telah mendapat rahmat daripada Allah secara berlimpah-limpah.

Pernah diriwayatkan sebaik sahaja dilantik menjadi khalifah, wajahnya menampakkan kesedihan yang amat sangat dan sentiasa berada sendirian hingga pembesar-pembesar negeri tertunggu-tunggu kemunculan baginda. Apabila ditanya anaknya tentang baginda, maka anaknya menjawab: "Sejak ayahku dilantik sebagai khalifah, ayahku terus bersendirian mengerjakan solat dan sentiasa menangis. Apabila ibuku masuk menemuinya, air matanya bercucuran hingga ke janggutnya dan apabila ibuku bertanya kepadanya, jawab ayahku iaitu Khalifah Umar Abdul Aziz: Wahai isteriku Fatimah! Aku telah dikalungkan dengan urusan umat Muhammad ini yang terdiri dari pelbagai rupa dan bangsa. Maka aku memikirkan tentang nasib rakyatku yang fakir, yang kelaparan, yang menderita sakit, orang-orang kampung yang hidup susah, yang dizalimi, tawanan perang, orang tua yang uzur, mereka yang mempunyai ahli keluarga yang ramai sedangkan kewangannya sedikit dan rakyat yang berada di penjuru negara yang perlu didahulukan dan perlu diberikan perhatian. Aku sedar bahawa Tuhanaku akan bertanya kepadaku mengenai mereka semua itu pada hari kiamat kelak, tetapi aku bimbang alasanku tidak cukup kuat untuk menjawab setiap soalan itu, lalu aku pun menangis kerana mengenangkan nasibku di akhirat nanti".



Islam meletakkan keadilan sebagai teras utama dalam mana-mana pemerintahan dan kepimpinan. Disebabkan keadilan yang ditunjukkan oleh khalifah-khalifah Islam, ribuan manusia yang menerima Islam kerana terpikat dengan keindahan pimpinan yang berdasarkan keindahan ajaran Islam. Namun apabila umat Islam gagal untuk mempamerkan sistem yang adil ini, maka bukan sahaja umat Islam sendiri yang tidak dapat menerimanya, bahkan menjauhkan masyarakat bukan Islam daripada Islam menyebabkan mereka tidak memandang hormat pada Islam. Sebab itu Islam meletakkan pemimpin yang adil sebagai salah satu antara tujuh golongan yang akan mendapat perlindungan Allah di akhirat nanti. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Imam, penguasa atau pemimpin yang adil akan mendapat perlindungan Allah pada hari yang tidak ada perlindungan kecuali perlindungan-Nya* (HR. Bukhari & Muslim).

Maka amat jelas betapa Islam memandang berat terhadap persoalan kepemimpinan yang meletakkannya sebagai suatu amanah. Sebagai penutup bicara, hayatilah maksud firman Allah SWT berkaitan amanah yang besar ini: *"Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (ingatlah) Sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan* (Surah al-Ahzab, 33:72).

## Sudut Kenali Staf

# Ustaz Wan Mohd AMIR



Sudut kenali staf PIUMK kali ini memperkenalkan Ustaz Wan Mohd Amir Yusoff. Beliau mula berkhidmat di UMK pada 1 Oktober 2009 sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam. Mendapat pendidikan rendah di Sek Keb. Kampung Chengal 1988-1993, pendidikan menengah di Sekolah Menengah Ugama Arab Taqaddum Ilmi, Ketereh (1994 – 1999) dan menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Malaya (2000-2005) dalam bidang Pengajian Syariah dan Undang-undang. Beliau mendirikan rumahtangga pada tahun 2010 dan dikurniakan 2 orang cahayamata, masing-masing berumur 5 tahun dan 9 tahun. Seorang staf yang berdedikasi dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu perkara, Ustaz Wan Amir juga pernah mendapat beberapa anugerah di peringkat universiti dan jabatan. Sifat beliau yang tegas dalam urusan kerja dan juga peramah, menjadikan beliau disenangi oleh warga UMK. Beliau juga merupakan antara nadi Pusat Islam dalam merencana dan menggerakkan beberapa program-program besar yang dianjurkan oleh Pusat Islam di peringkat universiti, komuniti, negeri, dan juga kebangsaan. Semoga Ustaz Wan Amir terus maju jaya dankekalkan kecemerlangan di masa akan datang.

SEMINAR KELUARGA BAHAGIA 2.0

# "Suamiku Suamimu"

Oleh: Norma Abdullah

Pusat Islam UMK dan Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK) telah menganjurkan Seminar Keluarga Bahagia 2.0: "Suami Ku Suami Mu" pada 17 November 2019 bertempat di Dewan Keusahawanan UMK Kampus Kota. Seminar tersebut dimuatkan dengan 2 sesi iaitu sesi pertama adalah ceramah yang bertajuk "Konsep Perkahwinan: Monogami & Poligami" yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Irwan bin Mohd Subri, Pengarah Besar, International Fatwa and Halal Centre (IFFAH). Manakala sesi kedua adalah forum yang bertajuk Berkongsi Kasih: "Antara Pengabaian & Pembelaan" yang dikendalikan oleh moderator iaitu Ustaz Mohd Mansor Hj. Daud, Pengetua Maahad Muhammadi (P) Kota Bharu dan 4 orang panel jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Irwan Mohd Subri. Pengarah Besar iFFAH, Ustaz Mohd Suhaimi Mohamed, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam JAHEAIK dan Mohd Hisham Hamat serta Haryani Ithnen daripada Pertubuhan Poligami Harmoni Malaysia (HARMONI).

Menurut Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad, antara objektif penganjuran seminar adalah menjadi medan pendikusian ilmu yang bermanfaat kepada peserta berkaitan hal ehwal rumah tangga yang berteraskan Syariah Islam.

Penyelaras seminar, Ustazah Nasikah Ab Rahman, Penolong Pengarah Pembangunan Keluarga, Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam JAHEAIK seminar ini disertai seramai 200 orang dan penyertaan pada kali ini lebih meluas yang melibatkan staf UMK, staf JAHEAIK, staf agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta masyarakat sekitar.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Dato' Haji Rahim Haji Jusoh, Pengarah JAHEAIK. Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan bahawa seminar ini merupakan program tahunan yang dianjurkan secara bersama oleh Pusat Islam UMK dan JAHEAIK bermula pada tahun 2018. Beliau berharap program sebegini perlu diteruskan sebagai salah satu program kolaborasi yang memberikan impak yang positif umumnya kepada kedua-dua agensi ini dan khususnya kepada peserta yang terlibat.





# Mesra Asnaf@ PAUH SEMBILAN

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

BACHOK, 9 Disember 2019: Tengku Temenggong Kelantan, YBM Tengku Tan Sri Dato' Hj. Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz berkenan berangkat menyempurnakan majlis perasmian Program Mesra Asnaf Peringkat Jajahan Bachok di Masjid Pauh Sembilan, Tawang, Bachok, Kelantan, pada 9 Disember 2019. Turut berkenan berangkat, Tengku Puan Temenggong Kelantan, YM Tunku Puan Sri Dato' Hjh. Noor Hayati Tunku Abdul Rahman.

Keberangkatan tiba baginda disambut oleh Ketua Jajahan Bachok, En Hazmi Abdul Hamid, Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad dan Pengerusi Jawatankuasa Masjid Al Abrar, Ustaz Mohd Yuzakky Mohd Yusof. Program Mesra Asnaf anjuran Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Pusat Islam UMK, Pejabat Tanah Bachok dan Pejabat Agama dan Jajahan Bachok membabitkan seramai 120 mahasiswa/siswi berkonsepkan program anak angkat dengan penglibatan 50 keluarga asnaf dari Mukim Pauh Sembilan yang telah berlangsung selama tiga hari bermula pada 9 hingga 11 Disember 2019.

Dalam titah ucapan Tengku Temenggong Kelantan, baginda menitahkan bahawa tujuan penganjuran program Mesra Asnaf adalah bagi

membolehkan pihak MAIK mengenalpasti keperluan-keperluan keluarga asnaf yang terlibat. Titah baginda lagi, dengan adanya konsep keluarga angkat ini pengumpulan maklumat keluarga asnaf dengan lebih teratur serta dapat menjalinkan hubungan silaturahim dengan keluarga asnaf masing-masing.

Beberapa modul telah ditetapkan oleh Pusat Islam UMK mengikut bentuk pengajian dan kepakaran UMK seperti keusahawanan, pertanian, pembelajaran dan keagamaan. Program Mesra Asnaf ini turut disertai dengan beberapa modul pengisian menarik seperti program keibubapaan menerusi ceramah motivasi, nasihat dan mendengar permasalahan keluarga daripada ibu bapa keluarga yang terpilih.





**Sesi ziarah mahabbah ke kediaman keluarga angkat**



**Sesi ziarah mahabbah ke kediaman keluarga angkat**



**Forum Hal Ehwal Islam yang diadakan pada sebelah malam**

Pengarah Pusat Islam Ybhg Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata, program ini telah lama dibincangkan oleh Pusat Islam UMK bersama MAIK. Pemilihan tempat program iaitu Masjid al-Abrar Pauh 9, Tawang Bachok adalah pilihan terbaik memandangkan masyarakatnya yang berbudi bahasa dan suka mengimarahkan masjid. Beliau berharap para peserta program anak angkat dan masyarakat setempat dapat mengambil peluang mengadaptasikan pendidikan ilmu dan menjalinkan hubungan persaudaraan serta *mahabbah* di antara pelajar UMK dan keluarga angkat.

Pengerusi Jawatankuasa Masjid Al Abrar, Ustaz Mohd Yuzakky Mohd Yusof berkata, Kampung Pauh 9 pernah beberapa kali menjadi pilihan universiti awam dan institusi pengajian swasta untuk program anak angkat. Walaubagaimanapun, program yang berbentuk anak angkat kali ini mempunyai kelainan kerana melibatkan aspek pendidikan kepada golongan asnaf. Selain itu modul yang diimplementasi oleh fasilitator Pusat Islam UMK amat bermanfaat dan menarik minat golongan ini untuk mendekati masjid.

Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob selaku penyelaras program berkata, para pelajar didedahkan dengan program kemasyarakatan dengan menjadi anak angkat kepada asnaf di kampung tersebut yang akan pengalaman pertama sebahagian daripada peserta sepanjang pengajian di UMK. Semoga ukhuwah yang terbina antara pelajar dan keluarga angkat berkekalan.



**Tengku Temenggong Kelantan bersama Pengarah PIUMK seusai majlis perasmian**



**Sebahagian keluarga angkat yang turut bersama dalam majlis perasmian**



# SEMINAR PEMERKASAAN PERANAN IMAM DI ALAF BAHARU 2019

Oleh: Wan Mohd Amir Yusof

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Persatuan Pegawai dan Kakitangan Masjid Negeri Kelantan (PPKMK) dengan kerjasama Pusat Islam dan Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah UMK telah menganjurkan Seminar Pemerkasaan Peranan Imam di Alaf Baharu pada 12 Oktober 2019 bertempat di Dewan Jubli Perak Panji Kota Bharu Kelantan.

Seminar sehari tersebut disertai oleh Iman-imam MAIK seluruh daerah di negeri Kelantan. Antara pengisian seminar tersebut adalah pembentangan panel jemputan yang menjurus kepada kajian kes seperti cabaran dan permasalahan semasa semasa yang dihadapi Imam, kemahiran yang perlu dikuasai seorang Imam dan lain-lain kajian kes yang berkisar berkenaan peranan Imam. Disamping itu, peserta seminar juga dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil untuk sesi perbincangan isu-isu semasa berkenaan peranan Imam pada masa kini. Dalam seminar tersebut, staf Pusat Islam UMK berperanan sebagai fasilitator dalam bengkel-bengkel yang telah diadakan.

Seminar tersebut berakhir dengan majlis perasmian penutup yang disempurnakan oleh Haji Murtadha bin Abdullah, Ketua Pegawai Agama MAIK. Dalam ucapan beliau, menyatakan bahawa seminar ini merupakan salah satu platform yang amat baik untuk menunjukkan kebersamaan Imam-imam MAIK serta dapat berkongsi idea dan pandangan bagi penambahbaikan peranan Imam-imam. Harapan beliau agar kerjasama antara MAIK, PPKMK dan UMK akan diteruskan pada masa hadapan serta diperhebatkan lagi



# Kepentingan Muafakat Dunia Umat Islam

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady

Sidang Kemuncak Kuala Lumpur (KL Summit 2019) telah berlangsung di ibu negara pada Disember 2019. Sidang kemuncak membincangkan pelbagai isu yang memberi kesan kepada komuniti Dunia Islam, di samping berusaha mencari jalan penyelesaian ke arah kesejahteraan ummah sejagat. Persidangan edisi kelima ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad. Sidang Kemuncak Kuala Lumpur bermula dengan acara jamuan malam bagi mengalau-alukan kehadiran peserta, di mana Dr Mahathir berkata sidang kemuncak itu diadakan kerana merasakan sesuatu perlu dilakukan bagi memperbaiki kehidupan ummah di seluruh dunia.

Pepatah Melayu mengatakan, "bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat", "bersatu teguh bercerai roboh". Pepatah ini amat berkait rapat dengan semangat permuafakatan untuk mengajak negara-negara Islam supaya sentiasa mengamalkan sikap bekerjasama, bertolak ansur dan tolong menolong antara satu dengan yang lain sudut agama, politik, sosial dan ekonomi. Selain itu, budaya ini amat penting bagi melahirkan satu ummah yang saling menyayangi sesama sendiri, serta orang lain dan pada masa yang sama boleh menjauhi segala anasir yang boleh memecah belahan perpaduan dan kesatuan ummah sejagat.

Oleh itu, muafakat akan tercapai hasil wujudnya semangat kerjasama dan perasaan sehati sejiwa di kalangan ummah. Keadaan ini hanya boleh berlaku apabila sikap negara-negara Islam berwawasan, bertujuan, bercita-cita tinggi, berkeinginan, dan memiliki fikrah yang sama sahaja akan mampu melahirkan ummah masa kini yang harmoni, bersatu padu dan bertoleransi samada dalam negara sendiri atau di antara negara-negara Islam lain. Oleh yang demikian, semua pihak yang berada di mana-mana posisi, agensi, institusi, komuniti, kelompok, atau persatuan hendaklah sentiasa mengutamakan penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan demi mencapai permuafakatan yang mantap bagi menjamin keutuhan dan kesatuan umat sejagat.

Oleh itu, untuk mengekalkan hubungan permuafakatan sesama anggota masyarakat, hendaklah bersifat dengan sifat-sifat *mahmudah* iaitu sifat terpuji dan meninggalkan segala adab, akhlak, tingkah laku serta sifat-sifat *mazmumah* iaitu sifat-sifat keji dalam diri masing-masing. Dua situasi yang bertentangan ini ialah keadaan baik dan keadaan buruk akan sentiasa bersaing antara satu sama lain. Sekiranya segala nilai-nilai mulia tadi tidak dilakukan secara ikhlas dan berterusan maka akan wujud perpecahan, pertelingkahan, perbalahan, pergeseran dan perseteruan. Kepada mereka yang mengharapkan terlaksananya pemuafakatan, kedamaian, keharmonian dan ketenangan perlu bersungguh-sungguh mengamalkan tingkah laku dan adab yang baik. Hendaklah sentiasa bersikap baik sangka, menjauhi amalan fitnah, dan penyebaran berita yang tidak benar, sentiasa berwaspada dengan pelbagai maklumat yang sangat mudah disebarluaskan melalui media sosial dan sentiasa berusaha meningkatkan ukhuwah serta mengukuhkan silaturrahim sesama umat.

Sesungguhnya Allah SWT sentiasa merahmati umat yang saling menyayangi antara satu dengan yang lain. Kerahmatan ini akan diturunkan oleh Allah SWT kepada seluruh umat manusia dan akan turut juga dirasai oleh pelbagai makhluk Allah yang lain. Agama Islam memang amat membenci perpecahan. Islam setiasa menggalakkan umatnya supaya sentiasa berpegang kepada tali Allah. Hanya dengan berpegang teguh kepada tali Allah umat akan dapat merasai kedamaian dan kasih sayang. Bagi mencapai permuafakatan, kita hendaklah menumpu dan mendahuluikan isu utama yang disepakati bersama untuk dilaksanakan. Manakala isu yang boleh memecah belah permuafakatan, yang lahir daripada sikap, pandangan atau perbezaan pendapat hendaklah ditinggalkan. Muafakat juga akan wujud sekiranya para anggota masyarakat tidak memperbesarkan perkara-perkara cabang atau furuk dan khilaf. Manakala apa sahaja unsur yang boleh membawa kepada penyatuan hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan berterusan.

Bagi umat Islam nilai-nilai murni tersebut terkandung dalam peraturan syariat Islam. Semua manusia sentiasa dituntut supaya mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Firman Allah SWT yang bermaksud;  
“Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

(Al-Anbiya ‘,21:107)

Sesungguhnya pelaksanaan syariat Islam bakal melimpahkan ‘rahmat’ serta kasih sayang Allah SWT terhadap seluruh alam dunia ini. Berbagai bentuk kerahmatan akan dirasai oleh umat manusia, sama ada mereka yang beriman atau sebaliknya. Inilah sifat pemurah dan kasih sayang Allah SWT kepada umat manusia dan segala makhluk yang lain. Sudah sewajarnya kita selaku penganut agama Islam sentiasa menunjukkan contoh teladan yang terbaik untuk dijadikan ikutan para anggota masyarakat. Jelaslah menunjukkan bahawa jika para anggota masyarakat di sebuah negeri atau negara sentiasa beramal soleh yang bertunjangkan syariat Islam, maka iaanya bakal mengundang rahmat.

Dalam konteks masyarakat kita, rahmat juga disebut sebagai berkat. Berkat atau rahmat ini akan diberikan oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk. Sebahagiannya diberikan dalam bentuk; kesihatan, pencapaian, kejayaan, penghasilan, kelebihan, kecukupan, kegembiraan, ketenangan, kedamaian, keharmonian dan keseronokan.

Oleh itu, hal ini telah pun berlaku sejak dari zaman Nabi Muhammad SAW, para sahabat baginda dan khalifah-khalifah Islam begitu juga pada zaman khalifah Umar Abdul Aziz dan khalifah-khalifah lain, dimana para rakyatnya bersatu dan bermuafakat dengan sepenuh hati ikhlas, maka Allah SWT akan menurunkan kerberkatannya sehingga harta yang terkumpul dalam perbendaharaannya sentiasa bertambah. Justru, rakyatnya hidup dengan tenang, damai dan sentosa. Mereka redha dan gembira hasil permufakatan dan kerjasama semua pihak meliputi; rakyat, ulama dan khalifah atau pemerintah. Oleh itu, marilah kita bermuafakat dan bertoleransi sesama Ummat Islam dan menjaga kebijakan dan kepentingan bukan Islam dalam menjaga keharmonian dan keamanan negara tercinta dan ummah.

## BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK PIUMK 2020 @ FELDA RESIDENCE, TERENGGANU



Oleh : Mohd Noor Redza Zakaria

Pusat Islam UMK telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik tahun 2020 pada 19 hingga 21 Disember 2019 di Felda Residence Kuala Terengganu. Bengkel berkenaan telah dihadiri oleh Pengarah dan seluruh staf Pusat Islam. Objektif bengkel berkenaan adalah untuk bertukar - tukar pandangan dalam proses merancang halatuju PIUMK dan menyelaraskan perancangan, pengurusan dan pelaksanaan setiap aktiviti yang akan dilaksanakan oleh PIUMK. Bengkel selama 3 hari 2 malam ini membincangkan secara khusus pencapaian Pusat Islam 2019 dan hala tuju Pusat Islam untuk tahun 2020. Bengkel berkenaan dimulakan dengan sesi taklimat dan amanat Pengarah Pusat Islam, diikuti dengan bengkel dan pembentangan dari setiap unit dan diakhiri dengan rumusan oleh Pengarah Pusat Islam.



# KORBAN & AQIQAH @PIUMK

Oleh:Nor Zakwan Che Musa

Pusat Islam UMK secara rutin tahunan telah mengadakan Program Ibadah Korban & Aqiqah 1440H di perkarian Pusat Islam UMK Bachok. Pada kali ini sebanyak 4 ekor lembu dan seekor kambing telah disembelih untuk ibadat korban dan 2 ekor biri-biri untuk dibuat aqiqah. Sebanyak 21 bahagian lembu telah disedekahkan kepada yang layak merangkumi staf dan masyarakat setempat. Program yang dimulakan seawal 7.30 pagi turut dihadiri oleh Prof. Ts. Dr. Noor Azizi bin Ismail, Naib Canselor UMK yang juga merupakan salah seorang peserta korban kali ini. Seramai 16 orang peserta korban dan 2 orang peserta aqiqah telah menyertai program ini melalui skim potongan gaji dan bayaran tunai. Pada akhir program, Pusat Islam UMK telah mengadakan jamuan makan tengahari hasil gotong royong memasak daging korban.



## SURAH AL- ALAQ & ZIKIR MUNAJAT DI ISTIADAT KONVOKESYEN UMK @ DEWAN TUANKU CANSELOR

Oleh:Nor Zakwan Che Musa

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan Kali Ke-9 telah berlangsung pada 19-21 Oktober 2019 di Dewan Tuanku Canselor UMK Bachok buat julung kalinya. Konvokesyen kali ini dimulakan dengan bacaan surah al-Alaq serta terjemahannya, alunan zikir munajat ketika majlis istirehat, dan diakhiri dengan doa. Alunan zikir munajat yang diperdengarkan dalam majlis konvokesyen ini telah mendapat pujian daripada kalangan ibu bapa dan lain-lain yang rata-rata berpandangan langkah ini bertepatan dengan konsep ilmu dalam majlis konvokesyen .

Istiadat  
**Konvokesyen**  
Universiti Malaysia Kelantan  
Ke-9

19-21 OKTOBER 2019 DEWAN TUANKU CANSELOR  
20-22 SAFAR 1441H UMK BACHOK





# Pembinaan Peribadi Muslim Yang Berintegriti Melalui Ibadah Haji

Oleh : Dr. Asma Lailee Mohd Noor

Ibadah haji adalah salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim yang berkemampuan. Haji bermaksud mengunjungi Kaabah di Mekah pada bulan-bulan haji untuk melakukan amalan tertentu menurut syarat-syaratnya secara ikhlas kerana mengharapkan keredhaan Allah s.w.t. semata-mata (Mohamad, 2007 & 2014). Firman Allah s.w.t. dalam al-Quran yang bermaksud “dan di antara kewajipan manusia terhadap Allah adalah melaksanakan ibadah haji ke Baitullah, bagi orang-orang yang mampu mengadakan perjalanan ke sana” (Ali-Imran:97). Menurut sejarah, Nabi Ibrahim adalah pelaksana ibadah haji yang pertama dan pengasas kepada pembinaan Kaabah (Muhammad, 2016: 50). Ibadah haji dianggap amalan yang paling banyak menuntut pengorbanan dari umat Islam kerana kosnya yang tinggi, memerlukan tenaga yang kuat, dan peruntukan masa yang ketat (Budiman, 2016). Walaupun begitu, setiap umat Islam sentiasa mempunyai niat dan semangat yang tinggi untuk menuaikan kewajipan haji kerana kepatuhan dan ketaatan mereka kepada perintah Tuhan.

Sikap patuh dan taat ini lahir daripada kesedaran dan kefahaman yang mendalam terhadap falsafah dan hikmah di sebalik pensyariatan ibadah haji (Lembaga Tabung Haji, 2013: 3). Antara hikmah disyariatkan ibadah haji ialah supaya seseorang Muslim itu sentiasa merasai pengawasan Tuhannya. Perasaan ini akan menjadikan Muslim itu sentiasa berada dalam keadaan mengingati Tuhan, meneliti kebesaran ciptaanNya, serta menghayati kesenian percaturanNya dalam setiap tingkah dan canda makhluk semesta. Kesedaran berTuhan ini sangat signifikan dalam pembinaan peribadi Muslim yang berintegriti (Muhammad, 2016; Mustapha, 2012). Ini kerana Muslim tersebut akan menzhirikan nilai kejujuran dan amanah yang tinggi dalam setiap perbuatannya sama ada semasa dia berada di khalayak ataupun bersendirian. Sikap ini menjadi kriteria pertama dalam menilai tahap integriti dalam diri seseorang kerana tanpa kualiti jujur dan amanah, pasti akan wujud kelemahan dalam kualiti dan keberhasilan kerja serta penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa (Ismail, 2014).

Pelaksanaan amalan-amalan dalam ibadah haji menuntut Muslim untuk melakukannya dalam tempoh waktu yang tertentu. Sekiranya tidak disempurnakan dalam tempoh tersebut maka haji tersebut dikira tidak sah, contohnya amalan wukuf di Arafah. Pada sesetengah keadaan, Jemaah haji perlu membayar denda kerana tidak dapat menyelesaikan amalan haji yang tertentu dalam tempoh waktunya. Ini menunjukkan pelaksanaan ibadah haji sangat menuntut seseorang Muslim itu untuk menepati masa (Muhammad, 2016). Kelewatan satu saat sahaja pun boleh membatalkan amalan hajinya dan hendaklah dilakukan semula pada tahun yang lain. Keprihatinan Islam terhadap masa dan ketelitian dalam menguruskannya disebut dalam surah al-'Asr yang bermaksud: "Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh"(al-'Asr: 1-3). Dalam dunia hari ini kualiti kerja seseorang Muslim itu diukur dengan kemampuannya bertindak pantas membuat keputusan dan kecekapan melaksanakan pelbagai peranan dan fungsi (Mudhofar, 2017). Keadaan ini menjadikannya semakin sibuk. Di sebalik kesibukan ini, individu Muslim perlu mahir menyusun keutamaannya agar segala gerak kerja berjalan dengan lancar dalam tempoh masa yang dirancangkan (Mohamad, 2014). Kemahiran mengurus masa mengikut keutamaan ini mampu membina karakter seseorang individu menjadi semakin utuh dan sempurna.

Selain dari itu banyak lagi kelebihan yang boleh diperolehi di sebalik falsafah pelaksanaan ibadah haji. Contohnya, semangat pengorbanan yang tinggi untuk rela berkorban jiwa, tenaga dan harta demi agama dan watan, sentiasa mendalamai ilmu, mengembangkan pemikiran dan menguasai kemahiran yang pelbagai, serta mengutamakan nilai kolektif dalam semua kesempatan. Kesemua ini merupakan manfaat yang diraih dari pelaksanaan ibadah haji yang ditunaikan dengan penuh penghayatan dan kesedaran. Firman Allah dalam surah al-Hajj yang bermaksud: "supaya mereka menyaksikan berbagai-bagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka" (al-Hajj:27) jelas menerangkan kepada kita bahawa ibadah haji yang diseru kepada setiap Muslim itu mempunyai signifikasi yang besar dalam kehidupan mereka termasuklah pembinaan jati diri yang berintegriti tinggi melalui kefahaman yang komprehensif terhadap hikmah dan falsafah setiap amalan dalam ibadah haji.



# **TERATAKCAKNA @PIUMK**

Skim bantuan perumahan pelajar iaitu Teratakcakna@PIUMK memanfaatkan 24 orang pelajar iaitu 14 orang siswa dan 14 orang sisi yang melibatkan 2 buah rumah berhampiran dengan UMK Bachok. Skim ini merupakan inisiatif Pusat Islam UMK dalam mengadakan bantuan perumahan pelajar asnaf kepada pelajar kategori terendah dalam kumpulan B40 dengan menggunakan dana zakat memandangkan semua pelajar tahun dua ke atas perlu menyewa di luar kampus kerana asrama yang terhad. Pelajar-pelajar skim ini dipilih melalui temuduga yang telah dihebahkan pada Jun 2019 yang terdiri daripada lingkungan anak yatim yang kehilangan bapa, ibu sekadar bekerja sambilan dan mempunyai tanggungan yang ramai. Objektif skim bantuan perumahan tersebut ialah bagi mendekati pelajar yang kurang berkemampuan untuk meringankan beban kewangan pelajar dari aspek sewaan rumah penginapan untuk meneruskan kelangsungan hidup di UMK.

Prof Madya Dr. Azhar bin Muhammad, Pengarah Pusat Islam UMK berkata, "Kita harap bantuan ini akan meringankan beban kewangan pelajar di samping membuktikan keprihatinan Universiti Malaysia Kelantan dalam mendekati dan membantu pelajar memerlukan pada setiap masa. Beliau berkata demikian ketika menghadiri majlis solat hajat di rumah tersebut yang dihadiri oleh penghuni rumah tersebut dan staf Pusat Islam. Ketua Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan, Ust. Mohd Binyamin bin Che Yaacob dalam ucapannya berharap pelajar yang terpilih mendapatkan bantuan ini supaya bersyukur kepada Allah dan memanfaatkan kemudahan yang disediakan di dalam rumah tersebut untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mengubah nasib diri dan keluarga.



# INFO PUSAT ISLAM



Delegasi Pusat Islam UMK ke Mesyuarat Eksekutif JAHEIS dan Seminar Tadbir Urus Hal Ehwal Islam Institut Pengajian Tinggi Malaysia 2019 "Ke Arah Memperkasakan Tadbir Urus Hal Ehwal Islam".

Anjuran Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Pengajian Tinggi Malaysia (JAHEIS)  
28 dan 29 Oktober 2019 (Isrin dan Selasa)  
8:00 pagi hingga 5:00 petang  
Hotel UiTM Shah Alam, Selangor



Keusahawanan pelajar asnaf yang terdiri pelajar rumah Teratakcahna@PIUMK. Antara perkara yang dilaksanakan adalah pengoperasian kiosk D'Waroong@Pusat Islam yang telah beroperasi di UMK kampus Kota dan Bachok. Mereka turut bermiaga di Pesta Konyokesyen UMK baru-baru ini.



Dua orang staf Pusat Islam UMK, iaitu Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob memperolehi Ijazah Sarjana Sastera Bidang Agama dan Kontemporari di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Seorang lagi staf Pusat Islam iaitu Ustaz Khairudin bin Mat Lazim telah memperolehi sarjana dalam kos Pengajian Islam di Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM) baru-baru ini. Kedua-duanya merupakan staf Pusat Islam UMK di kampus Bachok dan merupakan rakan sejawat dalam Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan (UZK) Pusat Islam UMK.



# Kursus Pengurusan JENAZAH

Oleh: Muhd Khalid El-Muhammady Bin Muhd Uthman El-Muhammady

JELI, 31 Julai 2019 : Seramai 85 orang peserta yang terdiri daripada pelajar, staf dan Komuniti setempat iaitu pelajar Politeknik Jeli, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Anak Mukim Masjid Bandar Jeli dan Masjid Gemang Jeli telah menghadiri Kursus Pengurusan Jenazah yang telah diadakan di Masjid Dr. Tengku Muhammad Fa-Iz Petra UMK Kampus Jeli. Kursus yang dianjurkan oleh Pusat Islam UMK tersebut telah menjemput Ustaz Halim bin Shaari, Imam Masjid Bandar Jeli dan Ustaz Mat Yaman bin Yassin, Imam Muda Masjid Mukim Berdang Jeli sebagai penceramah. Kursus ini diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan, Ustaz Wan Mohd Amir Wan Yusoff.

Program bermula jam 9 pagi, kursus tersebut bermula dengan pendaftaran para peserta dan sarapan pagi. Sejurus selepas itu, ceramah pertama dimulakan dengan slot pertama iaitu "Prosedur Pengurusan Kematian, Peranan dan Tanggungjawab Waris serta Ahli Keluarga Terdekat" yang telah disampaikan oleh Ustaz Halim Shaari. Beliau telah mengupas hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan jenazah sebelum kematian, selepas kematian. Beliau menekankan berkenaan dengan pengurusan harta pusaka agar dibahagikan dengan adil dan saksama diantara ahli waris si mati.

Manakala slot kedua bertajuk "Teori & Simulasi Memandikan Jenazah" dikupas oleh Tuan Imam Ustaz Mat Yaman telah memperincikan setiap tatacara menguruskan orang yang nazak, selepas kematian, cara memandikan jenazah dengan betul. Seterusnya, sesi praktikal bermula yang juga dikendalikan oleh Tuan Imam Ustaz Mat Yaman yang menunjukkan tatacara memandikan dan mengkafarkan jenazah dengan cara yang betul. Kursus tersebut berakhir pada jam 3.30 petang, sesi bergambar dan pembahagian sijil penyertaan kepada para peserta dan agensi.



# Kem Pemantapan Sahsiah @ Jeram Mengaji



Oleh: Khairudin bin Mat Lazim

Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan Pusat Islam UMK telah mengadakan Kem Pemantapan Sahsiah pada 14, 15 dan 16 November 2019 bertempat di Jeram Mengaji, Agro Resort, Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan. Program ini melibatkan 40 orang pelajar asnaf Selangor di UMK dan dibiayai oleh Lembaga Zakat Selangor di bawah program Universiti Angkat Zakat (UAZ). Peserta didedahkan dengan aktiviti-aktiviti berbentuk kerohanian, kepimpinan dan persaudaraan melalui slot-slot modul yang telah dirancang oleh Pusat Islam, UMK. Program tersebut dijalankan selama tiga hari dua malam itu melibatkan tenaga pengajar yang terdiri dari pensyarah, Pusat Pengajaran Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI) iaitu Pengarah PBI Dr. Burhan Che Daud dalam slot bertajuk : "Mahasiswa dan Cabaran Akidah", Dr. Asma' Lailee Mohd Noor dalam slot bertajuk :"Bicara Hati ke Hati" dan Dr. Noor Hisham Md Nawi dalam slot : "Mahasiswa Muslim Antara Realiti, Harapan dan Cabaran". Objektif program ini adalah untuk melahirkan pelajar asnaf yang bercita-cita tinggi dalam hidup dan mempunyai akidah yang mantap bagi mengharungi cabaran masa hadapan. Antara slot yang menyeronokkan ialah Jungle Tracking. Ketika meredah hutan belantara, pelajar didedahkan bagaimana menguruskan kehidupan dalam hutan. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata program yang dijalankan ini amat penting bagi memberi pendedahan kepada pelajar tentang realiti umat Islam akhir zaman terutamanya golongan belia yang semakin jauh daripada ajaran Islam dan mudah terpesong akidah melalui serangan dakyah-dakyah musuh Islam melalui media massa. Penyelaras program, Ustaz Khairudin Mat Lazim berharap para peserta dapat mengaplimentasi ilmu yang diperoleh melalui kem ini serta menjadi umat Islam yang cemerlang di dunia dan akhirat.





Pusat Islam UMK telah menganjurkan Kembara Ilmu pada 27 dan 28 September 2019 dengan kerjasama Pondok Pasir Tumbuh, Kota Bharu melibatkan 40 orang pelajar asnaf Selangor.

Antara objektif penganjuran program ialah untuk mendekatkan sistem pengajian moden dengan sistem pengajian tradisional di pondok. Dalam program tersebut pelajar didedahkan dengan kaedah menuntut ilmu agama melalui kaedah talaqqi kitab Turath di pondok. Pelajar juga didedahkan dengan kehidupan pondok yang menekankan tentang adab-adab belajar supaya ilmu yang dipelajari mendapat berkat. Selain daripada pengajian umum, pelajar juga amat beruntung apabila pihak pondok mengadakan pengajian khas untuk mereka. Bab yang dibincangkan dalam pengajian tersebut adalah berkaitan solat jamak, qasar, muafik dan masbuk dalam solat.

Program ini menggunakan dana yang diterima dari Lembaga Zakat Selangor di bawah program Universiti Angkat Zakat. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad dalam majlis perasmian penutup berkata, pondok Pasir Tumbuh telah melahirkan ramai alim ulama di Malaysia dan mereka telah membuka institusi pengajian pondok tersendiri di seluruh Malaysia. Dalam ucapan aluan majlis penutupan tersebut, Tuan Guru Haji Mohd Khairi Muhamad merakamkan ucapan terima kasih kepada UMK kerana buat julung kalinya mengadakan program ini di Pondok Pasir Tumbuh dan berharap program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan.





# "Mari Pakat Kacha Suro"



Oleh:Nor Zakwan Che Musa

Pusat Islam UMK telah mengadakan program "Mari Pakat Kacha Suro" di perkarangan Masjid UMK Bachok. Program ini turut sama disertai oleh Pejabat Naib Canselor, Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (PPPI), Pusat Pengajaran Bahasa dan Pembangunan Insaniah (PBI), Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (FTKW), Kelab Kebajikan Staf Universiti (KKSU) dan Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PERTISA). Sebanyak 11 kawah bubur asyura telah dimasak secara gotong royong pada hari tersebut. Program tahunan ini menyasarkan penglibatan daripada staf dan pelajar UMK. Agihan bubur asyura pula diagihkan kepada para pelajar di UMK Bachok & Kampus Kota. Bubur asyura tersebut juga turut diagih-agihkan dalam kalangan penduduk setempat. Program ini bermula seawal jam 4.00 pagi dan tamat pada jam 4 petang. Turut hadir pada program ini ialah Pendaftar Universiti, Puan Mazula binti Sabudin.





# Bual Bicara IBRAH HARI WUKUF DI ARAFAH

Oleh:Nor Zakwan Che Musa

Pusat Islam UMK telah mengadakan program Bual Bicara Ibrah Hari Wukuf di Arafah bersama Ustaz Ameer Azeezy bin Tuan Abdullah, Pegawai Baitulmal MAIK pada 08 Ogos 2019 bertempat di Bilik Seminar 2, Bangunan Canselor UMK Bachok. Seramai 100 orang staf telah hadir menimba ilmu dengan mengambil iktibar peristiwa hari wukuf di Arafah. Turut hadir pada program ini ialah Pengarah Pusat Islam Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad dan pegawai-pegawai kanan universiti. Menurut penceramah, umat Islam mesti merebut peluang bermula hari pertama hingga 9 Zulhijjah untuk berpuasa terutamanya pada 9 Zulhijjah kerana terdapat ganjaran yang besar sebagaimana disebut dalam hadis.



# PIT STOP @MasjidUMK

Oleh:Nor Zakwan Che Musa

Pusat Islam UMK buat julung kalinya bersempena Istiadat Konvokesyen UMK Kali ke-9 telah mengadakan program Pit Stop@Masjid UMK bermula pada 19 – 21 Oktober 2019 bertempat di Masjid UMK Bachok dengan tagline #BerehatBersamaKudapan dan #JomSolat. Objektif utama program ini untuk meraikan para graduan dan ibu bapa yang singgah di masjid untuk beristirehat dan menunaikan solat berjemaah di Masjid UMK yang datang bagi meraikan anak-anak mereka di Dewan Tuanku Canselor untuk istiadat konvokesyen. Pada program ini pihak Pusat Islam UMK menyediakan juadah makanan dan minuman ringan kepada para graduan & ibu bapa yang sama-sama hadir mengimarahkan masjid pada hari Istiadat Konvokesyen.

BEST

# KEM SMART AULAD 1.0



Kem Smart Aulad 1.0. telah berlangsung selama dua hari bermula pada 25 November 2019 dan berakhir pada 26 November 2019 bertempat di Masjid UMK Bachok yang disertai seramai 40 orang anak-anak staf UMK. Pengisian merangkumi bab solat, akhlak dan kemahiran anak-anak. Menurut, Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad, program ini merupakan rentetan daripada kem-kem yang telah diadakan saban tahun dan memberi manfaat kepada anak-anak staf melalui pengisian kemahiran pengetahuan islam, fardu ain dan pendedahan merasai suasana alam masjid.

## PIUMK Bersama Pelajar Baharu

Oleh : Mohd Noor Redza Zakaria

Malam Kerohanian Pusat Islam UMK sempena Minggu Mesra Mahasiswa sesi 2019/2020 telah diadakan pada 5 September 2019 secara serentak di ketiga - tiga kampus iaitu di Kampus Bachok, Kota dan Jeli. Antara aktiviti yang disediakan sepanjang program tersebut adalah penerangan daripada Pegawai Penguatuasa Undang-undang Syariah Negeri Kelantan berkenaan enakmen dan undang - undang syariah Negeri Kelantan. Manakala pengenalan berkaitan dengan peranan dan fungsi Pusat Islam UMK serta kemudahan dan bantuan yang disediakan kepada mahasiswa UMK telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr Azhar bin Muhammad, Ustaz Wan Mohd Amir bin Yusoff, dan Ustaz Muhd Khalid El-Muhammady bin Muhd Uthman El-Muhammady masing - masing di Kampus Kota, UMK Bachok dan Kampus Jeli.



# LENSA PUSAT ISLAM



TERIMAAN ZAKAT PNB 25/11/2019



LAWATAN MAHABBAH STAF SAKIT



MESYUARAT JAWATANKUASA HAL EHWAL WANITA (HELWA) PUSAT ISLAM UMK 8/10/2019




CERAMAH MAULIDUR RASUL 25/11/2019



# LENSA PUSAT ISLAM



PENGARAH PIUMK MENGHADIRI MESYUARAT JAHEIS KALI KE-2 21/7/2019



SESI PERKONGSIAN WAKAF UNIVERSITI AWAM BERSAMA PENGARAH WAZAN UPM 18/8/2019



KUNJUNGAN HORMAT PUSAT ISLAM UMK BERSAMA NC UMK KE MAIK 8/12/2019





# Bengkel Kemahiran Bersolat

Oleh: Mohd Binyamin bin Che Yaacob

Pusat Islam UMK dengan kerjasama Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghafar Kota Bharu telah mengadakan Bengkel Kemahiran Bersolat di Universiti Malaysia Kelantan kampus Bachok pada 3 hingga 6 Julai 2019. Program tersebut melibatkan 150 orang pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Long Ghafar Kota Bharu. Program yang dijalankan selama tiga hari dua malam itu juga menggunakan khidmat 20 orang fasilitator yang dipilih di kalangan pelajar dari Kelab Jawatankuasa Teman iaitu sebuah kelab yang bernaung di bawah Pusat Islam UMK.

Objektif program ini adalah untuk melahirkan generasi yang menguasai ilmu fardu ain. Penekanan diberikan dalam konteks solat sebagaimana Sunnah dari Junjungan Besar Rasulullah S.A.W. Selain itu pelajar juga mengikuti modul seperti solat tahajud, WeChat (usrah), ReCall (muhasabah), bersukan dan bermacam-macam lagi.

Peserta juga dibawa melawat ke fakulti-fakulti dan perpustakaan dalam kampus Bachok untuk memberi galakan kepada pelajar agar bercita-cita ke menara gading dan belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita tersebut.

Pengarah Pusat Islam Prof. Madya Dr. Azhar bin Muhammad berkata program yang dijalankan ini adalah untuk menyahut hasrat Pengurus Lembaga Pengarah Universiti YBhg. Dato' (Dr.) Hussamuddin bin Hj Yaacub menerapkan nilai agama kepada warga UMK dan masyarakat serta menjalankan kerja sama dengan rakan strategik dalam melaksanakan program-program yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Penyelaras program, Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob dalam ucapannya berharap para peserta mendapat pengalaman baru di UMK, mengamalkan apa yang dipelajari dalam program ini dan berusaha menjadi insan yang berguna di masa hadapan kepada agama, keluarga dan masyarakat.



# **BERITA STAF PUSAT ISLAM**



*Terima  
Kasih*

**PROF. MADYA DR.  
MOHD ZAIN**

Prof. Madya Dr. Mohd Zain bin Mubarak telah menamatkan tempoh sebagai Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK pada 30 Julai 2019. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas khidmat bakti yang telah diberikan oleh beliau sepanjang menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Pusat Islam UMK bermula 23 Julai 2017 sehingga 30 Julai 2019.

*Tahniah*  
**USTAZ HAFIZ  
APC 2018**



*Tahniah*  
**KELAHIRAN CAHAYAMATA  
USTAZ NIK**

Warga Pusat Islam UMK merakamkan ucapan tahniah kepada Ustaz Nik Mohd Idham Shah bin Nik Mohamed di atas kelahiran cahaya mata yang keempat, NIK FARHANIE FASIHAH BINTI NIK MOHD IDHAM SHAH pada 6 Julai 2019 bersamaan 3 Zulkaedah 1440H di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian. Semoga kehadiran cahaya mata ini akan melimpahkan rezeki, kebahagiaan dan keberkatan kepada beliau dan isteri.



*Tahniah*

**PELANTIKAN USTAZ  
KHAIRUDIN MAT LAZIM  
SEBAGAI PENOLONG  
SETIAUSAHA KESPUMK  
2019-2021**

Pengarah dan warga Pusat Islam merakamkan sekalung tahniah kepada Ustaz Khairudin Mat Lazim yang telah dilantik sebagai Penolong Setiausaha Kesatuan Staf Pelaksana Universiti Malaysia Kelantan (KESPUMK) bagi penggal 2019-2021 pada 22 Ogos 2019. Semoga dengan pelantikan ini, beliau dapat menunjukkan komitmen yang terbaik untuk kepentingan kesatuan dan membawa nama baik Pusat Islam UMK kepada semua warga Universiti.

## **PELAJAR PRAKTIKUM @PIUMK**

Pusat Islam UMK telah menerima seorang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menjalani latihan latihan praktikal di Pejabat Pusat Islam UMK Bachok selama dua bulan bermula 30 Jun 2019 hingga 29 Ogos 2019 dan di tempatkan di Unit Zakat, Kebajikan dan Keusahawanan.

Pusat Islam UMK merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan serta komitmen yang diberikan bagi membantu menguruskan pentadbiran zakat.

Nama: Anis Farhani Binti Mohamad Roffi

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam dengan Kepujian (Al – Quran Dan Al – Sunnah)

Universiti: Universiti Kebangsaan Malaysia



PUSAT ISLAM UMK

**Entrepreneurship  
is Our Thrust**

Kita  
**#BinaLegasi**  
Bersama

**#WeAreUMKFamily  
#OneUMKOneDream**